

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
DI WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA
TUNTUTAN NO: TTPM-WPPJ-(P)-678-2022**

ANTARA

JEENOTHEN DEV GUNASEKAR ... PIHAK YANG MENUNTUT

DAN

HM AEROSPACE SDN BHD ... PENENTANG

ALASAN PENGHAKIMAN

- [1] Tribunal mendengar kes ini bersekali dengan kes **TTPM-WPPJ-(P) 678-2022 Trinethra A/P Gunasekar (Pihak yang menuntut) dengan HM Aerospace Sdn Bhd (Pernentang)** kerana fakta kes dan penentang bagi kedua-dua kes ini adalah sama.
- [2] Bagi maksud pendengaran kedua-dua kes ini, Jeenothern Dev Gunasekar akan dirujuk sebagai PYM 1, manakala Trinethra A/P Gunasekar dirujuk sebagai PYM 2.
- [3] Keputusan bagi kes ini akan terpakai bagi kes TTPM-WPPJ-(P) 678-2022.
- [4] Fakta kes bagi PYM 1 ialah seperti berikut:

PYM 1 telah mendaftar untuk mengikuti kursus *Commercial Pilot Licence with Instrument Rating and Frozen Airline Transport Pilot's Licence (CPL I/R with frozen ATPL)* di kolej HM Aerospace Sdn Bhd. Kontrak ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada 27/11/2017. Kursus bermula pada 26/10/2017 untuk tempoh 64 minggu dengan kos RM 294,620 bagi yuran latihan untuk *CPL I/R with frozen ATPL* dan yuran penginapan serta makanan. PYM 1 telah membayar kesemua yuran latihan dan penginapan berjumlah RM 294,620 dan telah selesai menjalani latihan penerbangan tersebut pada 9/7/2020. PYM 1 menyatakan kelewatan tamat latihan tersebut adalah disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk Perintah Kawalan Pergerakan semasa tempoh Covid-19. Apabila PYM 1 memohon *Commercial Pilot Licence (CPL)* daripada penentang, penentang telah meminta PYM 1 untuk menyelesaikan bayaran penginapan berjumlah RM 28,628 kerana PYM 1 telah menduduki premis penginapan melebihi daripada tempoh 64 minggu. Penentang menyatakan tempoh penginapan melebihi 64 minggu tersebut ialah berjumlah 477 hari.

[5] Fakta kes bagi PYM 2 ialah seperti berikut:

PYM 2 telah mendaftar untuk mengikuti kursus *Commercial Pilot Licence with Instrument Rating and Frozen Airline Transport Pilot's Licence (CPL I/R with frozen ATPL)* di kolej HM Aerospace Sdn Bhd. Kontrak ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada 13/11/2017. Kursus bermula pada 09/11/2017 untuk tempoh 81 minggu dengan kos RM 320,000 bagi yuran latihan untuk *CPL I/R with frozen ATPL* dan yuran penginapan serta makanan. PYM 2 telah membayar kesemua yuran latihan dan penginapan berjumlah RM 320,000 dan telah selesai menjalani latihan penerbangan

tersebut pada 10/11/2020. PYM 2 menyatakan kelewatan tamat latihan tersebut adalah disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk Perintah Kawalan Pergerakan semasa tempoh Covid-19. Apabila PYM 2 memohon Commercial Pilot Licence (CPL) daripada penentang, penentang telah meminta PYM 2 untuk menyelesaikan bayaran penginapan berjumlah RM 26,520 kerana PYM 2 telah menduduki premis penginapan melebihi daripada tempoh 81 minggu. Penentang menyatakan tempoh penginapan melebihi 81 minggu tersebut adalah berjumlah 442 hari.

- [6] Kedua-dua PYM 1 dan PYM 2 menuntut supaya Penentang menyerahkan kepada mereka *Commercial Pilot Licence (CPL)*, *Pilot Log Book*, *Flying Wings* dan *Certificate of Completion* kerana PYM 1 dan PYM 2 menyatakan bahawa mereka telah membayar keseluruhan yuran latihan dan penginapan dan telah tamat latihan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam kontrak.
- [7] Pihak Penentang menyatakan kedua-dua PYM 1 dan PYM 2 perlu menyelesaikan tunggakan yuran premis penginapan terlebih dahulu untuk mendapatkan *Commercial Pilot Licence (CPL)*, *Pilot Log Book*, *Flying Wings* dan *Certificate of Completion*.
- [8] Penentang memfailkan tuntutan balas terhadap PYM 1 berjumlah RM 28,620 kerana menduduki premis penginapan melebihi 64 minggu. Penentang menyatakan mengikut kontrak klausa 5.4.1 dan Schedule D, jika seseorang kadet menduduki melebihi tempoh yang ditetapkan kadet tersebut hendaklah membayar RM60 satu hari bagi kos premis penginapan dan makanan. Tuntutan tempat

penginapan melebihi tempoh yang ditetapkan terhadap PYM 1 ialah berjumlah 477 hari oleh itu, jumlah yang perlu dibayar oleh PYM 1 ialah $477 \text{ hari} \times \text{RM } 60 = \text{RM } 28,620$.

- [9] Penentang memfailkan tuntutan balas terhadap PYM 2 berjumlah RM 26,520 kerana menduduki premis penginapan melebihi 81 minggu. Penentang menyatakan mengikut kontrak klausa 5.4.1 dan Schedule D , jika seseorang kadet menduduki melebihi tempoh yang ditetapkan kadet tersebut hendaklah membayar RM60 satu hari bagi kos premis penginapan dan makanan. Tuntutan tempat penginapan melebihi tempoh yang ditetapkan terhadap PYM 2 ialah berjumlah 442 hari, oleh itu, jumlah yang perlu dibayar oleh PYM 2 ialah $442 \text{ hari} \times \text{RM } 60 = \text{RM } 26,520$.
- [10] Tribunal telah meneliti Borang 1 kedua-dua PYM 1 dan PYM 2, Borang 2, Dokumen Kontrak, Keterangan Lisan PYM 1, PYM 2 dan Penentang dan lain-lain dokumen yang dikemukakan.
- [11] Tribunal mendapati bahawa kedua-dua PYM 1 dan PYM 2 telah membayar keseluruhan yuran latihan dan penginapan iaitu masing-masing bagi PYM 1 berjumlah RM 294,620 dan bagi PYM 2 berjumlah RM 320,000. Kedua-dua PYM 1 dan PYM 2 telah selesai menjalani latihan yang ditetapkan mengikut kontrak.
- [12] Tribunal mendapati tiada klausa dalam dokumen kontrak PYM 1 dan PYM 2 dengan pihak Penentang yang menyatakan bahawa pihak Penentang boleh memegang lesen CPL sekiranya PYM 1 dan PYM 2 mempunyai tunggakan yuran penginapan tambahan. Memandangkan kedua-dua PYM 1 dan PYM 2 telah membayar

keseluruhan yuran seperti yang dinyatakan di perenggan [12] diatas dan kedua-dua mereka telah tamat latihan dengan jayanya maka kedua-dua PYM 1 dan PYM 2 berhak untuk mendapat *Commercial Pilot Licence (CPL)*, *Pilot Log Book*, *Flying Wings* dan *Certificate of Completion* mereka.

[13] Apa-apa tuntutan yuran tambahan bagi penginapan hendaklah dibuat berasingan oleh pihak Penentang dengan tidak menafikan hak PYM 1 dan PYM 2 untuk mendapatkan CPL lesen mereka dan dokumen-dokumen yang dituntut.

[14] Bagi tuntutan balas oleh penentang, tribunal mendapati bahawa premis penginapan tersebut adalah milik Langkawi Makmur Sdn Bhd (LMSB) sebagaimana yang dinyatakan dalam klausa 5.4.1 dan Schedule D dokumen kontrak. Oleh itu, pihak yang layak menuntut bagi yuran penginapan tersebut LMSB dan bukannya Penentang.

[15] Oleh itu, berdasarkan fakta-fakta dan keterangan serta dokumen kontrak yang dikemukakan oleh pihak-pihak, tribunal memberi award Borang 10 seperti berikut :

a. Penentang hendaklah menyerahkan kepada PYM1 *Commercial Pilot Licence (CPL)*, *Pilot Log Book*, *Flying Wings* dan *Certificate of Completion* dalam tempoh 14 hari dari tarikh serahan award,

b. Penentang hendaklah menyerahkan kepada PYM2 *Commercial Pilot Licence (CPL)*, *Pilot Log Book*, *Flying Wings* dan *Certificate of Completion* dalam tempoh 14 hari dari tarikh serahan award,

- c. Tuntutan balas penentang adalah dibatalkan. Tuntutan untuk apa-apa yuran tambahan penginapan hendaklah dibuat oleh LMSB iaitu pemilik premis penginapan tersebut,

Bertarikh: 27 Oktober 2022

t.t

DATO' FAIZA BINTI ZULKIFLI
PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA